

12.10.2023  
Siaran Media

**IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**PAIP PECAH BAWAH TANAH: PBAPP BERTUNGKUS-LUMUS PULIHKAN BEKALAN AIR UNTUK 8,000 PENGGUNA AIR DI SUNGAI ARA HARI INI**

- **PBAPP menerima laporan saluran paip bekalan air bawah tanah pecah di Jalan Dato' Ismail Hashim pada jam 7.45 malam semalam (11.10.2023).**
- **Pasukan pembaikan PBAPP bekerja semalaman dari 9.30 malam untuk membaiki kebocoran pada saluran paip 600mm (23.6 inci).**
- **Bekalan air kepada kira-kira 8,000 pengguna terjejas. Perkhidmatan bekalan air akan kembali normal mulai jam 2.00 petang hari ini.**

PULAU PINANG, Khamis, 12.10.2023: Pasukan pembaikan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) bertungkus lumus semalaman sejak 9.30 malam tadi untuk membaiki saluran paip pecah di Sungai Ara di Pulau Pinang.

Pada 7.45 malam semalam, PBAPP menerima laporan bahawa satu bahagian saluran paip 600mm (23.6 inci) pecah di hadapan Kem Tentera Sungai Ara di Jalan Dato' Ismail Hashim.

Kemalangan ini menyebabkan kebocoran air bawah tanah yang besar. Pasukan pembaikan PBAPP terpaksa menutup 3 injap utama di kawasan berhampiran untuk mengasingkan lokasi kebocoran (kira-kira 2.5m di bawah permukaan jalan), mengalirkan air keluar dari kawasan yang dipenuhi air dan untuk memudahkan kerja pembaikan.

Penutupan injap ini menjejaskan perkhidmatan bekalan air kepada kira-kira 8,000 pengguna air berdaftar di kawasan berikut:

1.	Jalan Sungai Ara 1, 2, 3, 4	11.	Pintasan Kenari
2.	Tingkat Sungai Ara 1, 2, 3, 4	12.	Solok Kelicap
3.	Lebuh Sungai Ara 1, 2, 3	13.	Jalan Kedidi 1, 2
4.	Lorong Sungai Ara 1, 2, 3	14.	Kem Tentera Sungai Ara
5.	Kg. Baru Sungai Ara	15.	Jalan Merbah
6.	Jalan Kenari	16.	Lengkok Merbah 1, 2, 3
7.	Lorong Kenari 1 – 14	17.	Bangunan Tabung Haji
8.	Lengkok Kenari 1, 2, 3, 4	18.	Persiaran Kelicap 1, 2, 3
9.	Cangkat Kenari 1, 2, 3	19.	Persiaran Nuri 1, 2, 3
10.	Tingkat Kenari	20.	Jalan Nuri 1 - 11

21.	Solok Nuri	27.	Cangkat Sungai Ara 1, 2, 3, 4
22.	Lengkok Kelicap	28.	Cangkat Sungai Ara 1 – 20
23.	Lorong Kelicap	29.	Lintang Sungai Ara 1, 2, 3, 4
24.	Persiaran Relau	30.	Persiaran Bayan 1, 2, 3, 4
25.	Lilitan Sungai Ara	31.	Lintang Bayan 1 - 14
26.	Gerbang Sungai Ara 1 – 6		

**Sehingga jam 11.00 pagi hari ini, kerja-kerja pembaikan telah mencapai tahap 60%.** Kerja-kerja pembaikan juga tertangguh akibat hujan lebat pada awal pagi.

**Perkhidmatan bekalan air ke semua kawasan terjejas dijadualkan pulih secara berperingkat mulai 2.00 petang hari ini. Kawasan tanah tinggi dan hujung paip agihan (HPA) mungkin masih mengalami tekanan air rendah atau tiada bekalan air sehingga semua rumah pam yang terjejas beroperasi sepenuhnya dan tekanan saluran paip yang dibaiki pulih semula sepenuhnya.**

Harap maklum bahawa insiden ini dikategorikan sebagai “gangguan bekalan air tidak berjadual”. Ia tidak berkaitan dengan kerja-kerja penggantian atau penyelenggaraan paip PBAPP yang dijadualkan.

Gangguan bekalan air ini berpunca daripada kemalangan. Oleh itu, PBAPP tidak dapat memberi makluman awal kepada pengguna untuk menyimpan air.

Izinkan saya mengulangi fakta berikut:

1. Satu bahagian saluran paip air bawah tanah telah pecah. Kemalangan ini tidak disebabkan, dirancang atau dijadualkan oleh PBAPP.
2. Sebagai respons kepada insiden itu, PBAPP memulakan kerja-kerja kecemasan semalaman untuk menghentikan kebocoran air bawah tanah yang besar, membaiki bahagian saluran paip yang rosak dan memulihkan perkhidmatan bekalan air untuk ribuan pengguna air yang terjejas hari ini. Kerja pembaikan juga tertangguh akibat hujan lebat.
3. KPI yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk membaiki saluran paip pecah 600mm ialah 48 jam. PBAPP menyasarkan untuk memulihkan bekalan air dalam tempoh 24 jam.

Sila hubungi Pusat Panggilan 24-jam PBAPP di 04-255 8 255 untuk bantuan lori tangki.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Corporate Communications Unit  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)